

02 APR 1996

Parlimen-Akta

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI AKAN DIKAJI SEMULA

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan telah memutuskan untuk mengkaji semula Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Selaku Menteri Dalam Negeri Dr Mahathir berkata sebanyak 692 orang telah ditahan mengikut akta itu antara 1986 dan 1996.

Ketika menjawab soalan bertulis Encik Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka), beliau berkata mereka ditahan kerana terlibat dalam kegiatan yang boleh memudaratkan keselamatan negara, penyenggaraan perkhidmatan perlu dan kehidupan ekonomi negara.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat yang menjawab soalan Encik Akbarkhan Abdul Rahman (BN-Libaran), berkata kementerian sedang membuat kajian bagi memastikan barangan jualan langsung mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam Kod Etika Pengiklanan yang sedia ada.

Kod Etika Pengiklanan itu juga sedang dikaji semula dan keputusan kajian serta cara-cara pengiklanan jualan langsung akan ditentukan kemudian.

Katanya, antara perkara yang diambil perhatian semasa kajian semula itu ialah supaya pengiklanan jualan langsung ini tidak bertentangan dengan kempen inflasi sifar dan ia haruslah selaras dengan usaha kerajaan dalam mengurangkan defisit akaun semasa negara.

Menurutnya, memandangkan kebanyakan barangan jualan langsung terdiri daripada barangan import dan media utama yang dipilih sebagai media pengiklanan mereka adalah media televisyen, maka kementerian sedang mengkaji perkara itu dengan teliti.

Ini untuk memastikan apa-apa keputusan tidak memberi kesan yang negatif kepada industri jualan langsung secara am dan dasar kerajaan untuk menggalakkan pembangunan usahawan.

Beliau juga berkata kerajaan akan sentiasa memastikan perancangan infrastruktur rangkaian dan perkhidmatan telekomunikasi di negara ini setaraf dengan tahap prestasi piawaian antarabangsa.

Katanya, bagi memastikan keselamatan pengguna terjamin, semua produk telekomunikasi sama ada diimport atau dikeluarkan dalam negara yang telah memenuhi kehendak piawaian bolehlah dipasarkan. -- BERNAMA

ARA ah bns